

**Malaysia Dipelawa Ketua Program Penambahan Makanan Dunia – Muhyiddin Bernama**  
**27 Julai, 2012**

MUAR, 27 Julai (Bernama) -- Kemampuan Malaysia dalam bidang pertanian mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila Bank Pembangunan Islam (IDB) meminta Malaysia mengetuai usaha untuk program penambahan pengeluaran makanan di kalangan negara Islam di seluruh dunia, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata hasrat itu disuarakan oleh Pengerusi Pengurus Dana IDB Dr Abdullah El-Kuwaiz semasa mengadakan pertemuan bersama beliau di Bangunan Perdana Putra di sini, Jumaat.

"Soal makanan hari ini kritikal, bekalan makanan tak mencukupi sedangkan penduduk dunia bertambah berbilion-bilion.

"Banyak negara Islam mengalami masalah kebuluran kerana makanan tak mencukupi, jadi mereka minta saya untuk ketuai pasukan untuk menggerakkan usaha dengan bantuan IDB buat projek pertanian hasilkan bahan makanan.

"Ini menunjukkan mereka mengiktiraf dan memandang tinggi terhadap kemampuan Malaysia," katanya ketika berucap di majlis berbuka puasa Dewan Undangan Negeri (DUN) Jorak di Masjid Pekan Jamek Panchor di sini.

Majlis turut dihadiri isteri Timbalan Perdana Menteri Puan Sri Norainee Abdul Rahman dan Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Serampang Datuk Tahir Taat.

Muhyiddin berkata hasil daripada program pertanian itu nanti bukan sahaja akan dinikmati oleh Malaysia tetapi juga seluruh negara Islam.

IDB yang mempunyai 56 anggota termasuk Malaysia adalah institusi kewangan antarabangsa yang diwujudkan di Arab Saudi pada 1975 bertujuan merangsang pembangunan ekonomi dan kemajuan sosial negara anggota serta komuniti Islam berdasarkan prinsip syariah.

Muhyiddin berkata walaupun Malaysia sebuah negara kecil tetapi negara Islam lain amat menyanjung tinggi kemampuan negara ini.

Sementara itu, Muhyiddn berkata kepelbagaian latar belakang dan perbezaan cara hidup di negara ini akan mendatangkan masalah jika tidak diurus dengan baik.

"Jangan kita menjadi zahirnya bersatu (tetapi) hakikatnya tidak bersatu. Malaysia adalah negara yang kecil, jadi kita kena bersatu.

"Jadi perpaduan penting terutama di kalangan masyarakat Melayu Islam. Kita tidak mahu berpecah belah hingga berpuak sehingga menyebabkan berlaku kejadian seperti sembahyang dua imam seperti di sesetengah kawasan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=683780>



